

Headline	Sudut Masyarakat	Color	Black/white
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)	Circulation	25,055
Date	09 Jan 2023	Readership	75,165
Section	Tempatan	ArticleSize	1647 cm <sup>2</sup>
Page No	5	AdValue	RM 3,500
Language	Malay	PR Value	RM 10,500
Journalist	N/A		
Frequency	Daily (EM)		



**KUMPULAN** Yayasan Sabah melalui pejabat cawanganmu di Kuala Lumpur telah menganjurkan satu sesi tamah mesra dengan pelajar Institut Perguruan Tinggi dari Sabah yang menuntut di Terengganu. Kelantari dan Pahang pada 18 Disember 2022 bertempat di Flavia Hotel & Convention Centre, Kuala Terengganu. Sesi tamah dengan visi organisasi Kumpulan Yayasan Sabah - Dinamik, Berjaya, Berkualiti, Komited dan Pribatin, program tersebut diadakan bagi mengeratkan hubungan antara pelajar dan pemimpin negeri melalui persekitaran yang kondusif dan berfaedah konvivialitas dat hala. Pemimpin dapat memberikan gambaran yang jelas dan telus kepada pelajar tentang agenda dan hala tuju Kerajaan Negeri Sabah dan peluang-peluang yang disediakan oleh kerajaan kepada graduan bila bila masa mereka kembali ke Sabah. Manakala pelajar pula dapat memotivasi, apresiasi dan menghargai perkembangan semasa dan terbaru di bawah kepimpinan Kerajaan Negeri Sabah.

**Sudut Masyarakat**

Ini adalah ruangan yang menyediakan maklumat mengenai berita-berita tempatan dan nasional. Untuk maklumat lanjut, hubungi: [katunok@yahoo.com](mailto:katunok@yahoo.com)



**MUFTI** Sabah, Datuk Bungsu@Ariz Jauhar menerima conderamata daripada pihak Tahtul Ashabul Yamin selepas merasmikan pusat tahtul berkenaan baru-baru ini di Kunak - Ibrahim Tabir



**PROGRAM** Seminar Bicara Herba 2022 dianjurkan buah jujuk kalinya oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dengan Kerjasama Persatuan Penanam Herba dan Pengamal Penubatan Tradisional & Komplementari Domeo Uliara, Sabah baru-baru ini. Program tersebut yang diarahkan oleh Ketua Pengarah FRIM Dr. Ismail Parlan, diadakan di Dewan Utama Institut Perguruan Kampus Gaya, Kota Kinabalu. Antara topik yang dibincangkan ialah melengkapkan rantaian nilai Industri di Sabah, pembangunan produk herba berkualiti, halatuju industri herba di Sabah, kepentingan melindungi pengetahuan tradisi dan harta intelek dan akta penubatan tradisional dan komplementari. - Jitnus Pandakin



**PERSATUAN** Komuniti Prihatin Gum-Gum mengagihkan bantuan kira-kira 500 bungkusan makanan kepada 26 wakil zon di sekitar kawasan kampung di Gum-Gum sehingga ke Kampung Lungmanis, di Sandakan, baru-baru ini. Bantuan itu disampaikan oleh Pengerusi persatuan itu, Amir Aris Mohd Basir (tengah) kepada wakil penemunya di hadapan sebuah pasar raya di Batu 8, Sandakan. - Mardinah Jikur



**AMALAN** gotong royong atau dalam bahasa Dusun Mitatabang, masih di amalkan di kalangan masyarakat Dusun di Tambunan terutama dalam kerja-kerja menanam padi hinggalah kerja mengetam padi. Pembaca *Harian Ekspres*, Christopher John, 51, yang turut serta dalam kerja gotong-royong tersebut, berkongsi momen dalam kerja gotong-royong mengetam (menyabit) termasuk membanting padi. Di sawah padi milik Martin Mondok, 56, di kampung Tortololo Sunsuon, Tambunan baru-baru ini. - Jitnus Pandakin



**SERAMAI** 250 penduduk, melibatkan waris dari Kampung Melamam, Kaban, dan Uluu, bergotong-royong membersihkan Tanah Perkuburan Kristian di Kampung Batak, baru-baru ini. Menurut Ketua Perkuburan dan juga selaku ketua gotong-royong, Angian Abai, 59, ia diadakan setiap kali menjelang sambutan Krismas. Angian turut menerima sumbangan daripada Kumpulan Warga Emas Kampung Melamam sebanyak RM200 yang disampaikan oleh Yohana Balang untuk disalurkan ke dalam tabung pengurusan tanah perkuburan selain yuran sebanyak RM10 setahun yang dikamirkan kepada setiap pwaris. Turut serta dalam gotong-royong tersebut kakitangan Unit Pemering Pembangunan Masyarakat (UPPM) yang diwakili oleh Lee Chun Min, Pemaju Mukim, Melamam. - Jitnus Pandakin



**SAMBUTAN** Krismas 2022 Keluarga Palansing-Bandas (PBF) yang dianjurkan di kediaman Juhari Masatali-Elvie Tracy Luhani di Kampung Nagapas, Papar, baru-baru ini, turut dihadiri sahabat handai dan saudara mara terdekat. Pebagai aktiviti diadakan sebagai pengisian kepada acara tahunan itu termasuk pertandingan bakat PBF's Got Talent, bertukar hadiah dan permainan yang diantar kakak-kanak dan dewasa. Gambar menunjukkan sebahagian yang hadir mengabdikan kenangan ketika acara berlangsung. - Jitnus Pandakin



**KELUARGA** besar Gampion/Fiona di Kampung Sunsuon, Tambunan, mengadakan sambutan Hari Krismas 2022, baru-baru ini. Lebih 100 orang hadir untuk memeringkan sambutan di kediaman Johnny Gampion itu yang diisi dengan pelbagai aktiviti termasuk sukaneka, bertukar hadiah dan jualan makan. Gambar menunjukkan sebahagian yang hadir mengabdikan kenangan ketika acara berlangsung. - Jitnus Pandakin



**PESARA** paderi Rev. Father Felix Chung, dan kumpulan sukarelawan kebajikannya dari Kota Kinabalu membawa keceriaan Krismas kepada penduduk kampung di Gereja Katolik St Joseph di Kg Sungai Laut di Kota Marudu, baru-baru ini. Hadir untuk membeikan hadiah kepada kakak-kanak adalah Santa Claus. Gambar menunjukkan Felix (duduk) menyampaikan beg cenderahati kepada seorang ibu dan anak, dibantu oleh sukarelawan Patrick Ho.



**KAMPUNG** Terawai di Penampang mungkin merupakan satu-satunya kampung yang menghiasi jalan mistak, yang juga menghala ke Gereja Holy Nativity, dengan pokok Krismas dan lampu berwarna-warni bagi meriahkan perayaan itu. Pengerusi pengatur Florence Mitol berkata inspirasi datang selepas pertemuan dengan Rektor paroki mereka Fr Michael Modot, manakala kos projek itu ditampung oleh sumbangan daripada penduduk kampung sendiri. Beliau berkata kui keraher aktiviti serupa dijalankan pada 2016 manakala pada tahun-tahun lain terlalu banyak kejadian seperti pandemik menghalang aktiviti masyarakat. Gambar menunjukkan Fr Michael dan penolong Rektor Fr Jack Johini (tengah) bersama pemimpin masyarakat mengabdikan kenangan di bawah lampu tersebut. - Oswald Supi